

Tolak ilmu bakal hadapi bahaya besar — Mahathir

UM - 2 APR 2004

SERI ISKANDAR 1 April — Era pembelajaran masa kini yang tiada lagi batasan akan membolehkan masyarakat menguasai dan menggunakan semua ilmu untuk membina tamadun yang tinggi dan canggih, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, kata bekas Perdana Menteri itu, dalam keadaan sekarang mereka yang menolak ilmu bakal menghadapi bahaya yang besar.

“Sejarah telah membuktikan bahawa manusia yang berilmu dan bertamadun akan menguasai (manusia) yang tidak.

“Dengan perkataan lain, yang berilmu akan mendominasi yang tidak berilmu; atau akal fikiran akan menguasai tenaga tubuh badan manusia,” katanya ketika berucap pada majlis pengisytiharan beliau sebagai Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini, hari ini.

Pada majlis itu juga beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan dan Teknologi, UTP.

Majlis pengisytiharan dan penganugerahan ijazah berkenaan dirasmikan oleh Pro Canselor UTP, Tan Sri Dr. Azizan Zainul Abidin.

Turut hadir ialah isteri Dr. Mahathir, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali, seorang lagi Pro Canselor UTP, Tan Sri Dr. Mohd. Hassan Marican dan Rektor UTP, Dr. Rosti Saruwono.

Menurut Dr. Mahathir, pelajaran jelas menjadi amat penting jika seseorang itu tidak mahu dikesepikan dan dikuasai oleh orang lain.

Katanya, tidak ada sebab kenapa sekarang seseorang itu tidak memiliki ilmu pengetahuan kerana setiap daripada mereka mampu menjadi pakar dalam apa juga bidang yang dikehendaki.

“Einstein memerlukan beberapa tahun untuk mencipta dan memahami Teori Relativiti, tetapi kita hari ini boleh menguasai ilmu itu dalam beberapa hari sahaja, apalagi ada manusia yang memiliki keupayaan menerap dan memahami ilmu dengan mudah.

“Kita bernasib baik kerana Allah

telah menjadikan manusia apabila sesuatu maklumat diulangi berkali-kali, tidak dapat tidak, ia akan terpahat dalam ingatan,” tambahnya.

Menurut Dr. Mahathir lagi, peluang untuk menguasai ilmu untuk mendirikan tamadun yang tinggi dan canggih telah terbuka dan ia semestinya direbut oleh rakyat negara ini dan pada masa yang sama mereka harus tidak membiarkan golongan berfikiran sempit dari menghalang usaha mereka itu.

Di Malaysia sekarang, jelas beliau, terdapat perkembangan kemudahan mempelajari dan menguasai ilmu yang amat luas bermula dengan lima buah universiti pada masa lalu kini terdapat 17 universiti kerajaan dan berpuluh-puluh institusi pengajian tinggi swasta.

Beliau juga mengajak rakyat negara ini terus menimba ilmu kerana ia boleh menyumbang kepada peningkatan taraf hidup seseorang dan kejayaan seseorang individu tetap akan menyumbang kepada kejayaan masyarakat dan negara.